Mingguan Katolik
HERALD

Selanjutnya kami tidak ingin, saudara-saudara, bahawa kamu tidak mengetahui tentang mereka yang telah meninggal, supaya kamu jangan berdukacita seperti orang-orang lain yang tidak mempunyai pengharapan. Kerana jikalau kita percaya, bahwa Yesus telah mati dan telah bangkit, maka kita percaya juga bahwa mereka yang telah meninggal dalam Yesus akan dikumpulkan Tuhan bersama-sama dengan Dia.

1 Tesalonika 4:13-14

November 8, 2026 www.heraldmalaysia.com

Jadilah pembawa damai Kristus tanpa senjata!



TAKHTA SUCI: Dalam mesej video kepada para peserta Pertemuan Antarabangsa untuk Keamanan di Assisi, Sri Paus Leo XIV menggesa semua peserta untuk bersama-sama menjadi "alat pembawa damai Tuhan yang tidak bersenjata", sambil menegaskan bahawa "peperangan tidak boleh sekali-kali dilancarkan atas nama Tuhan".

"Peperangan tidak boleh sekali-kali dilancarkan atas nama Tuhan. Bagi kita yang beriman, 'berperang atas nama agama bererti menyerang agama itu sendiri.' Tidak ada istilah perang suci; hanya kedamaian yang suci."

Sri Paus Leo XIV menyampaikan peringatan tegas ini menerusi mesej video yang dikirimkan pada Oktober 27 kepada para peserta Pertemuan Antarabangsa dalam Semangat Assisi, anjuran Komuniti Sant'Egidio.

Pertemuan selama tiga hari di bandar Assisi, wilayah Umbria, tempat kelahiran Santo Fransiskus, bertemakan "Keamanan Tanpa Senjata dan Melucutkan Senjata" (*Unarmed and Disarming Peace*).

Menghidupkan semangat Asissi

Pada permulaan mesejnya, Sri Paus mengimbas kembali bahawa para peserta berhimpun di bandar kelahiran Sto Fransiskus, 40 tahun selepas Hari Doa Sedunia untuk Keamanan yang diadakan pada Oktober 27, 1986, atas inisiatif Sto Yohanes Paulus II.

Menurut Sri Paus Leo, selepas pertemuan bersejarah yang pertama itu, pendahulunya menyeru semua pihak supaya "terus menghayati semangat Assisi".

Sri Paus turut menyampaikan salam kepada para penganjur, para Patriark, pemimpin agama dan anggota Ordo Fransiskan yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai sesi doa dan dialog.

"Saya amat ingin berada bersama anda di makam Sto Fransiskus pada ulang tahun yang penting ini, untuk melihat wajah anda semua dan bersama-sama memberikan kesaksian bahawa hidup sebagai saudara dan saudari sesungguhnya sudah boleh menjadi kenyataan!"

Semangat Assisi lawan budaya kekuasaan

Bapa Suci Leo menegaskan bahawa dalam dunia masa kini yang dicirikan oleh "budaya kekuasaan", semangat Assisi perlu terus dipupuk.

Menurut beliau, semangat tersebut menuntut penolakan terhadap sebarang usaha menggunakan agama untuk membenarkan peperangan, di samping menggalakkan semangat pengantaraan dan dialog serta renungan mendalam yang disertai tindakan kreatif demi membina masa depan yang aman.

Dalam konteks ini, Bapa Suci menegaskan bahawa keamanan perlu sekali lagi menjadi "cita-cita bersama semua bangsa, bintang panduan bagi setiap pilihan kita, ukuran untuk mendedahkan ketidakadilan dan matlamat bersama seluruh umat manusia".

"Kita mesti membina semula keamanan di mana-mana, bukannya membuat persiapan untuk lebih banyak peperangan," tegas beliau, sambil mengulangi bahawa nama Tuhan tidak boleh sekali-kali disalahgunakan untuk membenarkan peperangan.

Sri Paus menjelaskan bahawa perjalanan yang bermula di Assisi sebagai usaha bersama untuk mencari keamanan, pertama-tamanya merupakan "jalan doa".

Doa tidak pernah lemah

Doa mungkin kelihatan 'lemah', namun memiliki kekuatan dalam kerendahan hati "Doa mungkin kelihatan lemah apabila berhadapan dengan kuasa-kuasa dunia, namun doa merupakan kekuatan umat beriman yang lahir daripada kerendahan hati."

Sehubungan itu, beliau menyeru, "Marilah kita berpaling kepada Tuhan, sumber keamanan, agar Dia menyentuh hati mereka yang memilih jalan peperangan dan keganasan. Janganlah kita lupa bahawa doa tidak pernah sia-sia."

Sambil menekankan bahawa dunia amat memerlukan dialog, Sri Paus berkata, "Jalan Assisi menyeru para pemimpin agama untuk memupuk suasana dialog dalam kalangan umat beriman dan masyarakat, supaya bahasa keangkuhan dapat digantikan dengan bahasa keamanan, rundingan dan persefahaman."

Menurut beliau, pendekatan ini penting untuk "secara beransur-ansur membebaskan umat manusia daripada kitaran keganasan".

Pada akhir ucapannya, Sri Paus Leo menyatakan harapannya agar "melalui doa-doa kita, Tuhan mengurniakan keamanan yang amat kita dambakan kepada bangsa-bangsa di dunia".

Sangti Papa turut berdoa agar Tuhan "menjadikan kita alat pembawa damai-Nya yang tidak bersenjata". **Media Vatikan**

Tuhan melampaui segala gambaran dan pemahaman kita

Jika kita cuba membayangkan Tuhan, kita mungkin dengan mudah terdorong untuk menjadi seorang ateis. Mengapa?

Cuba renungkan perkara ini. Kita percaya bahawa Tuhan ialah satu-satunya Pencipta segala yang wujud. Namun, alam ciptaan yang terbatas ini pun sudah melampaui kemampuan imaginasi manusia — berbilion-bilion galaksi, trilion planet dan berbilion-bilion manusia yang pernah hidup sepanjang sejarah.

Kita juga percaya bahawa Tuhan mengenali setiap batu, serangga, haiwan dan tumbuhan, bukan sahaja di bumi, tetapi di seluruh alam semesta. Bagaimanakah akal manusia mampu memahami semua ini? Hakikatnya, kita tidak mampu.

Persoalan yang lebih mencabar ialah bagaimana kita hendak membayangkan keluasan kasih Tuhan.

Iman kita mengajar bahawa Tuhan mengasihi setiap daripada lebih lapan bilion manusia secara peribadi dan mendalam, seolah-olah setiap seorang merupakan satu-satunya insan di dunia. Kasih yang sama turut merangkumi semua manusia yang pernah hidup sejak zaman nenek moyang kita.

Bagaimanakah satu akal, satu hati dan satu peribadi mampu mengenali serta mengasihi setiap insan sedemikian rupa? Hakikat ini benar-benar melampaui kemampuan akal manusia.

Namun, di sinilah letaknya perkara yang penting: Tuhan sememangnya tidak dapat dibatasi oleh imaginasi atau konsep manusia.

Tuhan tidak terbatas. Sesuatu yang tidak terbatas, menurut takrifnya sendiri, mustahil dapat dibayangkan sepenuhnya. Sebagai contoh, apakah nombor paling besar yang boleh kita hitung?

Ketidakterbatasan membawa kita melampaui segala sesuatu yang mampu difahami melalui konsep. Untuk memahami sesuatu, akal manusia lazimnya memerlukan titik permulaan atau batas tertentu, sedangkan Tuhan tidak mempunyai permulaan mahupun pengakhiran.

Oleh itu, apabila kita cuba membentuk gambaran Tuhan dalam imaginasi, gambaran tersebut sentiasa lebih kecil daripada hakikat Tuhan yang sebenar. Malah, gambaran itu boleh menjadi semacam berhala apabila kita menyamakannya dengan Tuhan sendiri.

Masalahnya, manusia sering cenderung mengecilkan Tuhan agar sesuai dengan batas pemikiran dan imaginasinya. Sedangkan, menurut hakikat-Nya, Tuhan tidak dapat diungkapkan sepenuhnya melalui kata-kata, digambarkan, dibayangkan atau dibatasi oleh sesuatu konsep.

Inilah antara ajaran asas tentang hakikat Tuhan yang dipegang dalam tradisi Kristian dan Yahudi.

Seperti yang dinyatakan oleh Nabi Yesaya, Tuhan itu kudus. Kekudusan-Nya mengingatkan kita bahawa Dia melampaui segala gambaran, konsep dan sesuatu yang mampu dibayangkan oleh manusia.

Atas sebab itulah Kitab Suci menegaskan bahawa manusia tidak dapat melihat wajah Tuhan dan tetap hidup.

Namun, sebagai umat Kristian, kita percaya bahawa Yesus Kristus telah datang ke dunia. Melalui Penjelmaan-Nya sebagai manusia, kehidupan dan ajaran-Nya, Yesus memperlihatkan Tuhan kepada kita secara nyata.

Dengan demikian, kita dapat mengenali Tuhan serta berbicara dengan benar tentang apa yang telah dinyatakan-Nya kepada manusia.

Mengenali Yesus bererti mengenali Bapa-Nya. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna kita mampu merangkum seluruh hakikat Tuhan dalam pemikiran atau konsep manusia.

Kita boleh mengenali Tuhan, tetapi tidak mampu memahami seluruh hakikat-Nya. Apabila kita menggambarkan Tuhan menurut pemahaman sendiri, kita cenderung mengecilkan keagungan-Nya agar sesuai dengan pandangan dan kepentingan peribadi.

Kritikan bahawa manusia mencipta Tuhan menurut gambar dan rupanya sendiri ada benarnya. Kita sering menggambarkan Tuhan seolah-olah Dia memihak kepada kelompok, bangsa atau kepercayaan kita, sekali gus membatasi kebijaksanaan dan kasih-Nya yang tidak terhingga.

Selama dua belas tahun, saya mengajar kursus *A Theology of God* (Teologi tentang Tuhan) kepada para seminarian, yang merangkumi ajaran Kitab Suci, dogma Gereja, kritikan golongan ateis serta pandangan para mistik tentang hubungan manusia dengan Tuhan.

Namun, sepanjang kursus itu, khususnya menjelang penghujungnya, saya sering mengingatkan para seminarian: *"Apa pun yang kamu lakukan dalam pengajaran, pewartaan dan pelayanan pastoral, berusahalah agar kamu tidak menggambarkan Tuhan seolah-olah Dia tidak bijaksana!"*

Pada asasnya, janganlah menggambarkan Tuhan sebagai Peribadi yang bersikap perkauman, memihak kepada kelompok tertentu, terlalu taksub dengan semangat kebangsaan, terlalu terikat pada hukum, berat sebelah terhadap denominasi tertentu, mendiskriminasi berdasarkan jantina, keras hati, berpandangan sempit, pendendam, pemarah atau sentiasa bersikap defensif.

Janganlah menggambarkan Tuhan dengan sifat-sifat yang merendahkan kebijaksanaan-Nya yang melampaui imaginasi, kasih-Nya yang tidak terhingga, keterbukaan-Nya terhadap semua orang serta pengampunan-Nya yang melampaui segala batas pemahaman manusia.

Janganlah menjadikan Tuhan seolah-olah sekadar seorang manusia lain yang boleh kita bayangkan, lengkap dengan segala kelemahan dan keterbatasan kita sendiri.

Saya mengenali beberapa orang ateis dan agnostik yang tulus serta berhati baik. Mereka sukar mempercayai Tuhan kerana tidak mampu membayangkan satu Peribadi yang mencipta, mengenali dan mengasihi setiap unsur ciptaan secara peribadi dan mendalam.

Sebenarnya, kita juga tidak mampu membayangkannya. Hakikat Tuhan sememangnya melampaui segala kemampuan imaginasi manusia.

Tuhan dikenali melalui pengalaman iman yang melampaui batas akal manusia, seperti yang disebut dalam tradisi mistik Kristian sebagai misteri Tuhan yang tidak terungkap.

Pengalaman ini membuka akal dan hati kita kepada keagungan Tuhan yang tidak terjangkau oleh imaginasi, sekali gus mengajak kita semakin mendekati-Nya dengan penuh kerendahan hati.

Kerana pada akhirnya, keagungan Tuhan bukanlah sesuatu yang mampu kita rangkum sepenuhnya melalui pemikiran, tetapi suatu misteri yang mengundang rasa kagum, takjub dan penyembahan. Di hadapan kebijaksanaan dan kasih-Nya yang tidak terhingga, kita hanya mampu berlutut dengan penuh hormat dan menyembah-Nya. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU BIASA KE-32 TAHUN A

KEBIJAKSANAAN 6: 12-16; 1 TESALONIKA 4: 13-18 (ATAU 4. 13-14); INJIL MATIUS 25: 1-1 3.

Pelita iman yang sentiasa bernyala



Seorang ibu sentiasa menyediakan lampu suluh dan lilin di rumahnya. Anak-anaknya sering tertanya-tanya mengapa ibu mereka begitu mengambil berat tentang perkara kecil itu. Suatu malam, bekalan elektrik tiba-tiba terputus. Ketika seluruh rumah bergelap, si ibu segera menyalakan lilin yang telah disediakan. Anak-anaknya akhirnya memahami bahawa persediaan yang kelihatan kecil sebenarnya membawa manfaat besar apabila diperlukan.

Begitulah juga kehidupan iman kita. Kita tidak mengetahui bila Tuhan akan memanggil kita menghadap-Nya. Namun, kita boleh mempersiapkan diri setiap hari melalui doa, kasih, pengampunan dan perbuatan baik.

Dalam bacaan pertama, Kitab Kebijaksanaan menggambarkan kebijaksanaan sebagai sesuatu yang bercahaya dan tidak pernah pudar. Kebijaksanaan mudah ditemukan oleh mereka yang sungguh-sungguh mencarinya. Malah, kebijaksanaan digambarkan seolah-olah datang menemui mereka yang merindukannya.

Bagi kita umat Kristian, kebijaksanaan sejati bukan sekadar memiliki pengetahuan atau kepandaian, tetapi kemampuan mengenali kehendak Tuhan dan mengamalkannya dalam kehidupan. Orang yang bijaksana tidak menunggu sehingga menghadapi kesusahan untuk mencari Tuhan. Sebaliknya, dia membina hubungan dengan-Nya melalui doa, Ekaristi, pembacaan Kitab Suci dan pelayanan kepada sesama.

Dalam bacaan kedua, Sto Paulus mengingatkan umat Tesalonika supaya tidak berdukacita seperti mereka yang tidak mempunyai harapan.

Sebagai orang beriman, kita percaya bahawa Yesus telah wafat dan bangkit. Oleh itu, kematian bukanlah pengakhiran kehidupan, tetapi pintu menuju kehidupan kekal bersama Tuhan.

Harapan Kristian tidak bermakna kita tidak akan menangis apabila kehilangan insan tersayang. Yesus sendiri menangisi kematian Lazarus. Namun, di tengah-tengah kesedihan, iman kepada kebangkitan memberikan kekuatan untuk terus berharap kepada janji Tuhan.

Injil Matius pula mengisahkan sepuluh gadis yang menantikan kedatangan pengantin lelaki. Lima daripadanya bijaksana kerana membawa minyak tambahan untuk pelita mereka, manakala lima lagi tidak membuat persediaan secukupnya.

Apabila pengantin lelaki tiba pada tengah malam, hanya lima gadis bijaksana yang bersedia menyambutnya. Lima gadis yang lain terpaksa keluar membeli minyak dan akhirnya mendapati pintu sudah ditutup.

Perumpamaan ini bukan sekadar mengingatkan kita tentang kedatangan Kristus pada akhir zaman, tetapi juga tentang kesediaan hati untuk menyambut-Nya dalam kehidupan seharian.

Minyak dalam pelita boleh direnungkan sebagai lambang iman yang dipelihara melalui hubungan dengan Tuhan dan diterjemahkan dalam perbuatan kasih.

Pelita yang cantik tidak berguna jika kehabisan minyak. Begitu juga, identiti kita sebagai umat Katolik tidak memadai jika iman tidak dihayati.

Kita mungkin rajin menghadiri Misa Kudus, tetapi adakah kita membawa kasih Kristus ke dalam keluarga?

Kita mungkin aktif dalam pelayanan Gereja, tetapi adakah kita bersedia memaafkan mereka yang menyakiti hati kita?

Kita mungkin mengenali banyak doa, tetapi adakah kita memberikan masa untuk mendengar mereka yang memerlukan perhatian?

Ketiga-tiga bacaan hari ini mengajak kita menjadi orang beriman yang bijaksana, penuh harapan dan sentiasa bersedia. Kebijaksanaan membantu kita memilih jalan Tuhan, harapan menguatkan kita menghadapi kematian dan penderitaan, manakala kesediaan iman memastikan pelita kehidupan kita terus bernyala.

Kita tidak perlu mengetahui bila Tuhan akan datang. Yang penting ialah bagaimana kita menjalani kehidupan sementara menantikan-Nya.

Janganlah menunggu sehingga usia lanjut untuk memperbaiki hubungan dengan Tuhan. Jangan menangguhkan pengampunan, kasih atau pelayanan sehingga esok, kerana setiap hari merupakan kesempatan untuk mengisi minyak pelita iman kita.

Semoga apabila Tuhan datang, Dia menemukan kita bukan sahaja sedang menunggu, tetapi juga setia mengasihi, melayani dan melakukan kehendak-Nya. **Sr Mary Bernadetta OSU, Pelita Iman**

25 tahun menyemai panggilan, CSE terus melahirkan paderi



TAMBUNAN: Dua puluh lima tahun selepas mula bertapak di Sabah, Kongregasi *Carmelitae Sancti Eliae* (CSE) terus membuahkan hasil dalam panggilan imamat apabila seorang lagi anggotanya, Diakon Bernard Marie, CSE, ditahbiskan sebagai paderi pada Oktober 17, 2026.

Pentahbisan yang berlangsung di Pertapaan Karmel, Kaingaran, Tambunan, itu menjadikan Fr Bernard Marie paderi keenam daripada kongregasi tersebut yang ditahbiskan di Sabah, meneruskan perjalanan panggilan imamat yang bermula dengan pentahbisan Fr Giovanni C. Sugau pada 2012.

Misa Kudus Pentahbisan Imamat dipimpin oleh Uskup Keningau, Cornelius Piong, dengan kehadiran para religius, anggota Kongregasi CSE, ahli keluarga serta umat beriman.

Memilih moto pentahbisan, "Lihat, Aku telah melukiskan engkau di telapak tangan-Ku", Fr Bernard Marie menzahirkan penyerahan dirinya sepenuhnya kepada panggilan Tuhan dalam kehidupan imamat.

Dalam ucapan kesyukurannya, paderi yang berasal dari Kudat itu merakamkan penghargaan kepada ibu bapanya, Uskup Cornelius serta semua pihak yang sentiasa mendoakan, menyokong dan mendampinginya sepanjang perjalanan panggilan.

Padari yang baharu ditahbis itu mengakui bahawa perjalanan menuju imamat bukanlah sesuatu yang mudah.

Pelbagai cabaran dan pergelutan iman pernah dilaluinya, termasuk saat-saat ketika beliau menjauhkan diri daripada Tuhan dan mengabaikan panggilan-Nya.

Namun, kasih dan kesetiaan Tuhan terus membimbingnya sehingga akhirnya beliau mampu menyahut panggilan tersebut melalui pentahbisan imamat.

Sementara itu, dalam amanatnya, Uskup Cornelius merakamkan penghargaan kepada ibu bapa Fr Bernard Marie atas kesediaan mereka mempersembahkan anak mereka untuk melayani Tuhan dan Gereja.

"Sesungguhnya bukan mudah bagi ibu bapa untuk menyerahkan anak menjadi milik Tuhan," kata Uskup Cornelius.

Prelatus itu turut mengingatkan paderi baharu itu supaya sentiasa berwaspada terhadap sikap kemunafikan seperti yang ditunjukkan oleh golongan Farisi dalam Injil.

Bapa Uskup menegaskan bahawa pentahbisan bukanlah jaminan seseorang terlepas daripada godaan dunia. Sebaliknya, seorang paderi perlu sentiasa memelihara kesetiaan kepada panggilannya dan tidak kehilangan tumpuan terhadap Kristus.

"Sentiasalah menyatukan diri dengan Yesus kerana godaan dunia masa kini semakin hebat dalam kalangan para paderi," pesan Bapa Uskup.

Misa pentahbisan diakhiri dengan berkat meriah, diikuti sesi bergambar bersama paderi baharu, para religius, keluarga dan umat yang hadir.



Empat paroki bimbing kanak-kanak fahami AI

KUALA LUMPUR: Pelajar Sekolah Minggu dari empat paroki di Daerah Tengah Keuskupan Agung Kuala Lumpur meneroka peluang dan cabaran kecerdasan buatan (AI) menerusi program pembelajaran selama dua minggu.

Kanak-kanak dari Katedral St John the Evangelist serta paroki Holy Rosary, St Anthony dan Our Lady of Fatima didedahkan kepada pengaruh AI yang semakin meluas.

Mereka turut diajak merenungkan peranan iman dalam dunia digital, berpandukan *Magnifica Humanitas* yang dikaitkan dengan Sri Paus Leo XIV, yang menekankan martabat manusia dan penggunaan AI demi kebaikan bersama.

Para katekis membimbing kanak-kanak mendengar suara Kristus dan mengamalkan kasih serta keprihatinan terhadap sesama. Program untuk sehari itu diisi dengan doa, pembelajaran dan perkongsian.

Kanak-kanak mempersembahkan hasil kerja masing-masing sambil memperdalam pemahaman tentang manfaat serta potensi bahaya AI.

Perhimpunan tersebut menggalakkan mereka mendekati dunia digital dengan kebijaksanaan dan keupayaan membuat pertimbangan yang baik, sambil membiarkan suara Kristus membimbing setiap pilihan serta hubungan mereka dengan sesama.

La Foresta himpun 164 penziarah sempena Jubli Fransiskan



KIULU:Di tengah keheningan alam semula jadi, 164 penziarah menemukan ruang untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dan menghayati semangat Santo Fransiskus dari Assisi menerusi Ziarah Iman sempena Jubli 800 Tahun Fransiskan di La Foresta, Kiulu, pada Oktober 21, 2026.

Ziarah tersebut menghimpunkan peserta dari St Paul Lokub, Ordo Fransiskan Sekular (OFS) St Elizabeth of Hungary Telipok, kumpulan peninjau St Catherine Inanam dan Good Shepherd Menggatal.

Bertemakan "Kesunyian dan Pertapaan dalam Semangat Santo Fransiskus", program itu mengajak peserta memperdalam iman, memperkukuh persaudaraan serta menemukan kembali kepentingan doa dan keheningan dalam kehidupan Kristian.

Ziarah berkenaan turut menjadi kesempatan istimewa untuk meraikan ulang tahun ketujuh pentahbisan imamat Friar Cruzendar Alex, OFM.

Dalam tradisi Fransiskan, kesunyian bukanlah tindakan melarikan diri daripada dunia, sebaliknya ruang untuk menjernihkan hati, memperbaharui kehidupan rohani dan mendengar suara Tuhan dengan lebih jelas.

Walaupun aktif dalam pelayanan, Sto Fransiskus sering mencari keheningan untuk berdoa dan merenungkan kehendak Tuhan. Baginya, doa dan pelayanan saling melengkapi, sebagaimana ditekankan dalam Rule for Hermitages yang mengutamakan keseimbangan antara doa, persaudaraan dan pelayanan.

Di Kiulu, La Foresta melambangkan "hutan doa" yang mengajak penziarah menghayati kesederhanaan, kerendahan hati dan kehadiran Tuhan melalui alam ciptaan, sekali gus memupuk belas kasihan serta semangat melayani sesama.

Lebih daripada sekadar kunjungan ke sebuah lokasi, ziarah itu menjadi perjalanan rohani yang mengajak peserta membuka hati kepada Tuhan.

Para penziarah diharapkan meneladani Sto Fransiskus sebagai pembawa damai, pemelihara alam ciptaan dan saksi kasih Kristus dalam kehidupan seharian. **Evelyn Justine**



Kasih Tuhan menyembuhkan luka keluarga

PADAWAN: Luka emosi, konflik keluarga dan belenggu dosa menjadi antara fokus utama Retreat Pemulihan Keluarga 2026 yang menghimpunkan 762 peserta dari pelbagai zon dan paroki di Gereja Katolik Santa Anna, Kota Padawan.

Program anjuran Jawatankuasa Pembentukan Iman itu bertujuan memulihkan hubungan umat dengan Tuhan serta memperkukuh iman dan kehidupan keluarga.

Retret lima hari itu dimulakan dengan Misa Karismatik yang dipimpin oleh Rektor Gereja Santa Anna, Friar Don Don Romero Ramerez, OFM, bersama Friar Nelson Evarinus Sipalan, OFM, dan Friar Patrisius, CSE.

Dalam homili pembukaan, peserta diajak membuka hati kepada karya Roh Kudus untuk mengalami pemulihan, pembebasan dan perdamaian dengan Tuhan.

Sesi "Kuasa Doa" menekankan hubungan peribadi dengan Tuhan melalui doa dan kesediaan mendengar suara-Nya, manakala "Dimensi Sosial Dosa" mengupas kesan hubungan positif dan negatif terhadap kehidupan rohani, emosi serta keluarga.

Peserta turut didedahkan kepada bagaimana dosa dan hubungan yang tidak sihat boleh meninggalkan kesan mendalam terhadap individu, keluarga serta generasi berikutnya.

Antara pengisian lain ialah "Memutuskan Ikatan", "Menghadapi Kuasa Kegelapan" dan "Kedamaian Arwah".

Retret diakhiri dengan Misa Karismatik dan penyampaian tanda penghargaan kepada para penceramah.

Sahabat kecil Yesus

Ikut garisan untuk mencari pelita yang mempunyai minyak. Kemudian, lukis dan warnakan api pada pelita tersebut.



Isi tempat kosong dengan perkataan yang betul untuk melengkapkan pesanan Yesus.

"Oleh itu, _____, sebab kamu tidak _____ akan _____ ataupun _____."

tahu berjaga-jagalah saatnya hari

Lukis Api dan Warnakan

Arahan: Lukis api pada setiap lilin. Kemudian, warnakan gambar dengan cantik.



Jadilah seperti lima gadis yang bijaksana. Pastikan pelita imanmu sentiasa menyala dengan kasih kepada Yesus!

Anak-anak yang dikasihi Yesus,

Dalam Injil hari ini, Yesus menceritakan kisah sepuluh gadis yang membawa pelita untuk menyambut pengantin lelaki.

Lima gadis bijaksana membawa minyak tambahan, manakala lima yang lain tidak. Ketika pengantin lelaki tiba pada tengah malam, hanya lima gadis bijaksana mempunyai minyak yang mencukupi untuk menyalakan pelita mereka.

Lima gadis yang lain terpaksa keluar membeli minyak. Apabila mereka kembali, pintu sudah ditutup dan mereka terlepas peluang menyertai perayaan tersebut.

Anak-anak, apakah yang Yesus mahu ajarkan kepada kita?

Pelita dalam kisah ini mengingatkan kita tentang iman yang perlu sentiasa dijaga.

Bagaimanakah kita menjaga pelita iman supaya terus menyala?

Kita boleh berdoa setiap hari, menghadiri Misa Kudus bersama keluarga, mendengar Sabda Tuhan, membantu ibu bapa, berkongsi dengan kawan-kawan dan memaafkan orang yang menyakiti hati kita.

Kita tidak perlu menunggu sehingga dewasa untuk menjadi pengikut Yesus yang baik.

Jadilah seperti lima gadis yang bijaksana. Pastikan pelita imanmu sentiasa menyala dengan kasih kepada Yesus!

Salam sayang
Antie Melly

BELIA





SRI PAUS LEO XIV GESA JESUS YOUTH PELIHARA SEMANGAT KERASULAN

TAKHTA SUCI: Sri Paus Leo XIV menggesa anggota gerakan Jesus Youth supaya terus memelihara semangat kerasulan, memperkukuh kesatuan dan menjadi saksi kasih Kristus dalam kehidupan seharian.

Ketika menerima peserta Persidangan Antarabangsa *Jesus Youth* dalam audiensi pada Oktober 24 lalu, Sri Paus menyifatkan pertemuan pertama gerakan itu dengan Pengganti Sto Petrus sebagai sesuatu yang istimewa, 40 tahun selepas penubuhannya di Kerala, India.

Sehari sebelumnya, Dikasteri untuk Kaum Awam, Keluarga dan Kehidupan meluluskan statut baharu gerakan tersebut, susulan proses perundingan sinodal selama tiga tahun.

Mengimbas asal usul *Jesus Youth* dalam gerakan Pembaharuan Karismatik, Sri Paus menegaskan bahawa setiap pembaharuan sejati dalam Gereja bermula daripada pengalaman peribadi akan kasih Yesus.

"Jangan kehilangan semangat kerasulan kamu. Sebaliknya, peliharalah semangat itu dan bawalah ke negara-negara baharu," pesan Bapa Suci sambil mengingatkan anggota *Jesus Youth* supaya sentiasa mengarahkan pandangan kepada Kristus.

Sangti Papa turut menggalakkan *Jesus Youth* membantu golongan muda menemukan panggilan hidup mereka, sama ada dalam perkahwinan, imamat atau kehidupan religius.

Mengakhiri amanatnya, Sri Paus menyeru anggota gerakan itu supaya mengekalkan semangat iman dan memelihara kesatuan di tengah-tengah kepelbagaian budaya, bahasa serta latar belakang sosial. **Media Vatikan**

CHOICE BM KL RAI PENGANJURAN EDISI KE-10

KUALA LUMPUR: Sepuluh edisi, satu perjalanan iman yang terus berkembang. CHOICE Bahasa Malaysia Kuala Lumpur melakar satu lagi pencapaian bermakna apabila 24 belia dewasa muda dari pelbagai negeri dan latar belakang berhimpun dalam Program Hujung Minggu CHOICE ke-10, sekali gus membuka lembaran baharu dalam usaha membentuk generasi muda yang mengenali, mencintai dan melayani.

Program yang berlangsung pada Oktober 16–18, 2026, di Archdiocesan Retreat Centre, Villa Dominic, Genting Highlands itu mencatat sejarah tersendiri kerana CHOICE BM buat pertama kalinya dianjurkan di lokasi berkenaan.

Seramai 24 peserta, terdiri daripada 19 wanita dan lima lelaki berusia antara 23 hingga 36 tahun, datang daripada pelbagai latar belakang etnik dan keuskupan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Program itu dikendalikan oleh Fr Michel Dass, selaku paderi pembimbing Tim CHOICE Bahasa Malaysia Kuala Lumpur.

Berteraskan tema "Mengenali, Mencintai dan Melayani", program tersebut menekankan kepentingan mengenali diri secara lebih mendalam, di samping membina hubungan yang bermakna dengan keluarga, sahabat, Gereja, komuniti dan Tuhan.

Melalui sesi perkongsian, perbincangan dan renungan, peserta digalakkan membuka hati, menilai pengalaman hidup serta memahami peranan kasih dan pelayanan dalam kehidupan seharian.

Peserta Chelesthina Charnie Charles, 23, berkata CHOICE membantunya mengenali diri, menghadapi cabaran hidup dan memperkukuh hubungan dengan Tuhan.

"Program ini bukan sekadar tempat berkumpul, tetapi peluang untuk mengenali diri sendiri dan hubungan saya dengan Tuhan," katanya.

Menurut Chelesthina, sebelum menyertai program tersebut, terdapat beberapa perkara yang sukar difahaminya, terutama berkaitan cara berfikir dan menangani masalah.

Namun, melalui setiap sesi, dia belajar untuk lebih terbuka menerima pandangan orang lain serta memperoleh kekuatan untuk memperbaiki hubungan dengan keluarganya.

"Saya berharap pengalaman yang diperoleh dapat diamalkan dalam kehidupan seharian, selain terus belajar dan menjadi insan yang lebih baik pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Eddie Victor Matius, 33, berkata CHOICE mengubah pandangannya tentang kehidupan dan menyedarkannya tentang kepentingan hubungan dengan Tuhan serta sesama.

"Sebelum menyertai CHOICE, saya lebih banyak memberikan tumpuan kepada diri sendiri tanpa benar-benar memikirkan orang lain," katanya.

"Saya kini memahami bahawa kehidupan bukan semata-mata tentang diri sendiri, tetapi juga tentang Tuhan dan hubungan kita sebagai sebahagian daripada komuniti yang lebih besar," tambahnya.

Penganjuran edisi ke-10 ini mencerminkan komitmen berterusan CHOICE Bahasa Malaysia Kuala Lumpur dalam membimbing golongan dewasa muda memperkukuh iman serta membina hubungan yang bermakna.



Berita Antarabangsa

Katekis diseru jadi pembawa harapan dan keamanan

YANGON: Kardinal Charles Bo menyeru para katekis Katolik agar menjadi pembawa harapan dan keamanan serta mendidik kanak-kanak menolak kebencian, diskriminasi dan keganasan, khususnya ketika Myanmar terus berdepan ketidakstabilan.

Prelatus itu menyampaikan seruan itu ketika 79 katekis Keuskupan Agung Yangon menamatkan program rekoleksi dan pembaharuan tahunan di Gereja Katolik St Peter dan St Paul pada Oktober 20.

Kardinal Bo mengakui cabaran yang dihadapi para katekis, termasuk kesulitan kewangan, kekurangan sumber dan keadaan masyarakat yang terjejas akibat konflik.

Menurut Kardinal Bo, katekis bukan sekadar mengajar tentang Yesus, tetapi membantu generasi muda dan keluarga mengenali Kristus melalui kesaksian hidup serta memupuk kasih, kesabaran, pengampunan dan perdamaian.

Mengibaratkan pelayanan mereka seperti menanam benih, Kardinal Bo mengingatkan bahawa setiap pengorbanan yang dilakukan dengan setia akan membuahkan hasil melalui rahmat Tuhan. **LiCAS News**

Sri Paus Leo XIV: Maria Teladan Dialog dan Keamanan

VATIKAN: Paus Leo XIV mengajak umat beriman meneladani Perawan Maria sebagai wanita yang beriman dan taat kepada Tuhan, serta menjadikan beliau contoh dalam membina dialog, persaudaraan dan keamanan.

Dalam mesej yang ditandatangani oleh Setiausaha Negara Vatican, Kardinal Pietro Parolin, sempena pertemuan Maria, Jalan Dialog dan Keamanan bagi Wilayah Mediterranean di Itali pada Oktober 27–29, Sri Paus mengangkat Maria sebagai teladan sikap mendengar dan menerima, asas dialog sejati serta keamanan yang berlandaskan persaudaraan.

Pertemuan anjuran Akademi Kepausan Antarabangsa Maria (PAMI) dan Ordo Saudara Dina, dengan kerjasama dua dikasteri Vatikan itu, turut melibatkan 12 tempat ziarah Maria dari pelbagai negara bagi menggalakkan dialog.

Mereka turut menegaskan keperluan mendesak untuk menghentikan peperangan, menyembuhkan luka, membina perdamaian dan memupuk sikap saling mengambil peduli.

Dalam konteks ini, Maria dilihat sebagai teladan yang dapat menyatukan masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama. **Media Vatikan**

Para biarawati harus prihatin terhadap keperluan rohani dan jasmani

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyeru para biarawati agar memberikan perhatian menyeluruh terhadap kesejahteraan rohani dan jasmani sesama manusia, khususnya golongan miskin dan mereka yang memerlukan bantuan.

Uskup Roma itu menyampaikan seruan tersebut ketika menerima para peserta Kapitel Umum Kongregasi Sisters of Charity of St Joan Antida Thouret pada Oktober 26.

Sri Paus turut mengucapkan tahniah kepada Sr Maria Rosa Muscarella yang dipilih semula sebagai Pemimpin Umum bagi penggal kedua selama lima tahun.

Berpandukan tema "Berakar dalam Kristus: Bermisi di Dunia", Sri Paus Leo mengajak para biarawati menjadikan Kristus sebagai pusat kehidupan dan pelayanan mereka.

Sri Paus menyeru para biarawati meneladani Santo Joan Antida Thouret dengan menjaga keperluan rohani dan jasmani sesama manusia serta memelihara maruah setiap insan melalui pelayanan kasih.

Sempena ulang tahun ke-200 pemergian Santo Joan Antida Thouret ke rumah Bapa, Sri Paus turut menghargai pelayanan kongregasi tersebut yang kini hadir di 32 negara. **Media Vatikan**

Lebih 3,500 petugas Gereja Singapura terima latihan keselamatan

SINGAPURA: Gereja Katolik di Singapura telah memperluas latihan keselamatan ke 30 daripada 32 gerejanya, melibatkan lebih 3,500 paderi dan anggota pelayanan sepanjang tiga tahun lalu.

Keuskupan Agung Singapura menyasarkan pelaksanaan Sistem Bersepadu Pemeriksaan Individu Berorientasikan Ancaman (TOPSIS) di dua gereja selebihnya menjelang akhir tahun ini.

TOPSIS merupakan program keselamatan anjuran Pasukan Polis Singapura yang melatih petugas mengenal pasti individu berisiko tinggi, menjalankan soal jawab keselamatan serta pemeriksaan lanjut apabila diperlukan.

Sebagai pengiktirafan terhadap usaha tersebut, Keuskupan Agung Singapura menerima Anugerah Organisasi TOPSIS daripada kerajaan pada Oktober 14.

Menteri Kedua Hal Ehwal Luar Negeri dan Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, Sim Ann, yang menyampaikan anugerah itu, berkata tempat ibadat perlu kekal terbuka dan mesra kepada semua, namun aspek keselamatan tidak boleh diabaikan.

Latihan tersebut dikendalikan oleh Pasukan Operasi Tindak Balas Kecemasan Keuskupan Agung (AERO), yang turut meningkatkan bilangan jurulatih bertauliah TOPSIS daripada lima kepada 13 orang, semuanya sukarelawan. **LiCAS News**

Hutan terbakar di Indonesia perlu dipulihkan



JAKARTA: Para uskup Katolik Indonesia menggesa agar hutan dan kawasan tanah yang musnah akibat kebakaran dipulihkan, bukannya ditukar menjadi kawasan perladangan, perlombongan atau projek komersial lain, ketika kebakaran terus melanda beberapa wilayah di negara itu.

Komisis Keadilan dan Keamanan, Migran dan Perantau di bawah Konferensi para Uskup Indonesia (KWI) membuat gesaan tersebut pada Oktober 26 susulan kebakaran hutan dan tanah yang berlaku di Sumatera, Kalimantan, Papua, Maluku, Sulawesi serta beberapa kawasan lain.

"Hutan dan tanah yang terbakar mesti dipulihkan dan dikembalikan kepada keadaan asalnya, bukannya ditukar menjadi kawasan perladangan, perlombongan atau digunakan untuk kepentingan ekonomi yang lain," tegas komisi itu.

Menurut komisi tersebut, kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab wajib melindungi ekosistem, menguatkuasakan undang-undang serta memulihkan hutan sebagai tanggungjawab moral dan perundangan demi melindungi kehidupan, keseimbangan ekologi dan generasi akan datang.

KWI merujuk laporan Kementerian Perhutanan Indonesia bertarikh Oktober 10 yang merekodkan sebanyak 11,772 titik panas di seluruh negara.

Data Kementerian Kesihatan yang dipetik oleh para uskup pula menunjukkan lebih tiga juta penduduk di tujuh wilayah terdedah kepada jerebu sepanjang Ogos lalu.

Sehingga Oktober 17, sebanyak 311,363 kes jangkitan saluran pernafasan akut direkodkan di kawasan yang terjejas akibat kebakaran di Sumatera dan Kalimantan.

Komisi itu menjelaskan bahawa tidak semua titik panas menunjukkan berlakunya kebakaran sebenar, manakala tidak semua kes jangkitan saluran pernafasan dapat dipastikan berpunca daripada asap kebakaran.

Bagaimanapun, angka tersebut tetap menunjukkan "ancaman serius terhadap kesihatan awam dan kelestarian kehidupan".

Para uskup menegaskan bahawa kebakaran hutan tidak seharusnya dianggap sebagai masalah alam sekitar semata-mata.

"Apabila hutan terbakar, nyawa manusia terancam, ruang kehidupan semakin mengecil dan golongan rentan berdepan penderitaan yang semakin berat," tambahnya.

Komisi itu turut mengingatkan masyarakat bahawa kemusnahan ekologi "tidak boleh dipisahkan daripada kemiskinan, ketidakadilan sosial dan perlindungan terhadap maruah manusia". **LiCAS News**

Terumbu karang dunia diancam kemusnahan, perairan Sabah turut dibimbangi

MANILA: Sebanyak 96 peratus ekosistem terumbu karang yang dinilai di seluruh dunia berdepan risiko amat tinggi untuk musnah menjelang 2075, sekali gus mencetuskan gesaan agar kegiatan penerokaan bahan api fosil dijauhkan daripada kawasan marin sensitif, khususnya Segi Tiga Terumbu Karang di Asia Tenggara.

Penilaian global pertama Senarai Merah Ekosistem oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam (IUCN) mendapati 122 daripada 127 ekosistem terumbu karang yang dinilai berada dalam kategori terancam kritikal apabila kesan tekanan haba pada masa depan diambil kira.

Peningkatan suhu laut dan gelombang haba marin dikenal pasti sebagai punca utama kemerosotan terumbu karang. Penilaian berasingan turut mendapati 44 peratus spesies karang pembina terumbu yang dinilai diancam kepupusan.

Dalam kenyataan pada Oktober 28, *Energy Shift Southeast Asia* menegaskan bahawa ancaman ini amat membimbangkan masyarakat pesisir pantai yang bergantung kepada terumbu karang untuk makanan, mata pencarian, pelancongan dan perlindungan daripada bencana pantai.



"Penemuan IUCN menunjukkan bahawa krisis terumbu karang bukan lagi ancaman masa depan, tetapi amaran yang menuntut tindakan segera ASEAN," kata ketua kempennya, Anj Dacanay.

Pertubuhan itu turut membangkitkan kebimbangan terhadap kegiatan penerokaan minyak dan gas berhampiran kawasan perlindungan marin, termasuk Taman Tunku Abdul Rahman, Taman Tun Mustapha di Sabah, Palawan dan Taman Semula Jadi Terumbu Tubbataha di Filipina serta Bali, Indonesia.

Dacanay menggesa kerajaan memperkukuh perlindungan kawasan marin, menilai secara telus kontrak penerokaan petroleum dan menghalang kegiatan baharu yang boleh mengancam biodiversiti.

Menurut beliau, pengurangan pelepasan gas rumah hijau perlu dilaksanakan seiring dengan usaha menangani pencemaran, kemusnahan habitat dan penangkapan ikan berlebihan.

"Amaran IUCN mesti menjadi titik perubahan," tegasnya, sambil menyeru peralihan kepada tenaga bersih dan boleh diperbaharui demi melindungi ekosistem marin serta kehidupan masyarakat pesisir pantai. **LiCAS News**

Iman dan budaya saling memperkaya

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV meneruskan siri katekesis mengenai *Gaudium et Spes*, salah satu dokumen Konsili Vatikan Kedua, ketika memimpin Audiensi Umum Oktober 28, di Dataran Sto Petrus.

Dalam katekesisnya, Sri Paus merenungkan hubungan antara budaya dengan iman Kristian, sebagaimana yang dihuraikan dalam bab kedua Konstitusi Pastoral tersebut.

Menurut beliau, sepanjang zaman, Gereja Katolik sentiasa berusaha mengiringi pewartaan Injil dengan penubuhan institusi pendidikan bagi memajukan pembentukan budaya, kemanusiaan dan kerohanian.

Bapa Suci turut menyoroti pengaruh universiti-universiti pada Zaman Pertengahan terhadap pembentukan tamadun Barat, sambil mengakui bahawa pemikiran kritis mendorong umat beriman untuk memberikan "alasan bagi iman mereka".

Pada masa yang sama, setiap budaya mempunyai dorongan tersendiri untuk membuka pemikiran manusia terhadap dimensi kerohanian yang sememangnya wujud dalam diri manusia.

Oleh itu, melalui pencarian manusia terhadap makna kehidupan, setiap budaya turut mempersiapkan manusia untuk menerima Injil Kristus, kata Sri Paus.

"Hubungan antara iman dan budaya menemukan asas utamanya dalam Penjelmaan," kata beliau.

"Sebagaimana Sabda Ilahi menjadi manusia dan tinggal dalam kalangan kita, demikian juga iman merupakan suatu kenyataan yang menjelma dalam kehidupan, terjalin erat dengan budaya



tempat iman itu berakar."

Sri Paus Leo menjelaskan bahawa iman menjelma dalam setiap budaya, namun tidak terikat atau disamakan dengan mana-mana bentuk ungkapan budaya tertentu.

"Iman hadir dalam budaya-budaya tersebut," kata beliau, "membentuknya dari dalam menurut 'teladan' Yesus Kristus, iaitu melalui kasih, pelayanan dan pengakuan sebagai anak-anak Tuhan bahawa Dia ialah Bapa kita."

Sri Paus Leo turut mengingatkan tentang hasrat Gereja untuk memajukan budaya sebagai sesuatu yang bernilai pada dirinya sendiri dan sebagai suatu bentuk pelayanan kepada umat manusia, khususnya melalui pendidikan untuk semua.

Menurut beliau, *Gaudium et Spes* menegaskan perlunya pendidikan merangkumi "kesatuan ilmu pengetahuan".

Sangti Papa menambah bahawa melalui Wahyu Ilahi, umat Kristian telah menerima jawapan kepada persoalan-persoalan besar tentang kewujudan manusia.

Namun demikian, hal ini tidak bermakna mereka terkecuali daripada tanggungjawab untuk menjalani pembentukan intelektual dan budaya secara tekun serta berterusan.

"Sebaliknya, pengetahuan kemanusiaan dan saintifik umat Kristian harus berkembang seiring dengan penghayatan iman mereka, yang perlu terus diperdalam seiring dengan peningkatan usia dan tahap pendidikan masing-masing."

Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa Gereja perlu memupuk penyepaduan yang berkesan antara pelbagai bidang ilmu pengetahuan, yang tercermin melalui cara menghayati iman dengan "pandangan positif terhadap dunia dan sejarah". **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Santau dan sihir


Dalam masyarakat kita, santau dan sihir sering dikaitkan dengan penyakit misteri, musibah atau kejadian yang sukar dijelaskan. Namun, apakah pandangan Gereja Katolik tentang perkara ini?

1. Gereja Katolik menolak amalan sihir
Katekismus Gereja Katolik (KGK 2117) menegaskan bahawa segala bentuk sihir dan ilmu ghaib yang bertujuan menguasai kuasa tersembunyi adalah bertentangan dengan iman Kristian.

2. Tidak semua penyakit berpunca daripada santau
Penyakit, gangguan tidur, keletihan atau perubahan emosi tidak boleh dijadikan bukti bahawa seseorang terkena santau. Gejala tersebut mungkin mempunyai penjelasan perubatan atau psikologi.

3. Utamakan pemeriksaan perubatan
Jika mengalami gejala kesihatan, dapatkan pemeriksaan doktor. Gereja tidak menganggap rawatan perubatan sebagai sesuatu yang bertentangan dengan iman.

4. Jangan mudah mempercayai tuduhan
Mimpi buruk, kejadian aneh atau kata-kata seseorang bukan bukti bahawa santau telah berlaku. Elakkan menuduh orang lain tanpa asas yang kukuh.



5. Jangan mendapatkan khidmat bomoh
Gereja melarang umat mendapatkan pertolongan melalui ilmu ghaib, pemujaan roh, tangkal atau ritual sihir, walaupun bertujuan melindungi diri (KGK 2116–2117).

6. Doa ialah ungkapan iman, bukan jampi
Doa Bapa Kami, rosari dan doa perlindungan membantu umat menyerahkan kebimbangan kepada Tuhan. Doa bukan formula ajaib yang menjamin sesuatu hasil.

7. Sakramen menguatkan kehidupan rohani
Penyertaan dalam Ekaristi dan penerimaan Sakramen Pengakuan Dosa membantu umat memperdalam hubungan dengan Kristus serta memperoleh kekuatan rohani.

8. Dapatkan bimbingan paderi
Jika kebimbangan tentang gangguan rohani berterusan, berbincanglah dengan paderi. Gereja mempunyai tatacara khusus untuk menilai dakwaan gangguan luar biasa. Eksorsisme besar hanya boleh dilakukan oleh paderi yang mendapat izin khas daripada uskup.

9. Jangan hidup dalam ketakutan
Iman Katolik mengajak umat mempercayai kasih dan penyelenggaraan Tuhan, bukannya hidup dalam ketakutan terhadap kuasa ghaib. Sokongan keluarga, komuniti dan bantuan profesional juga penting.

10. Percayalah kepada Kristus
Yesus bersabda, "Jangan takut, percaya saja!" (Markus 5:36). Dalam menghadapi penderitaan dan ketidakpastian, umat diajak berpegang pada iman, mencari pertolongan yang sewajarnya dan menyerahkan kehidupan kepada Tuhan.

Gereja Katolik mengakui kewujudan kejahatan rohani, tetapi tidak mengajar umat supaya menganggap setiap penyakit atau musibah sebagai akibat santau atau sihir. Iman yang matang menuntut kebijaksanaan, penegasan rohani dan kesediaan mendapatkan bantuan yang sesuai. **Aleteia**

Penulis Berkicau

Hutan terbakar, jeritan bumi siapa yang mendengar?

Setiap kali kebakaran hutan melanda Indonesia dan jerebu mula menyelubungi tempat kita, ada sahaja ungkapan lucu yang kedengaran dalam komuniti Katolik saya.

"Wah, tempat kita dah mula musim sejuk! Tengoklah, kabus tebal!"

Ada pula yang berseloroh, "Kain yang disidai di luar sekarang sudah berperisa tembakau!"

Yang paling mencuit hati, "Dari jauh saya nampak pontianak. Rupa-rupanya tiang bendera. Alahai, jerebu!"

Lucu? Memang lucu. Tetapi hakikatnya, kita sedang mentertawakan udara yang semakin sukar untuk dihirup.

Pada September lalu, saya sempat transit selama empat jam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Sebaik sahaja tiba, saya terkejut apabila terhidu bau asap yang kuat, seolah-olah ada orang sedang membakar sampah berhampiran.

Saya hanya berada di situ selama empat jam. Namun, bayangkan penduduk yang terpaksa menghirup udara sedemikian selama berminggu-minggu!

Ketika itulah saya terfikir, bagi kita yang sekadar melalui kawasan berjerebu, keadaan itu mungkin menjadi bahan gurauan. Tetapi bagi mereka yang tinggal di kawasan terjejas, jerebu bukanlah sesuatu yang lucu.

Di sebalik kabus asap itu, ada kanak-kanak yang terpaksa mengehadkan aktiviti luar, warga emas yang sukar bernafas, keluarga yang bimbang tentang kesihatan dan masyarakat yang kehilangan sumber mata pencarian.

Lebih menyedihkan, di kawasan kebakaran itu sendiri, hutan musnah, hidupan liar kehilangan habitat dan masyarakat setempat menanggung kesan yang mungkin berlarutan selama bertahun-tahun.

Pada Oktober 26, Konferensi para Uskup Indonesia (KWI), melalui Komisi Keadilan dan Perdamaian, Migran dan Perantau, mengeluarkan seruan moral berhubung kebakaran hutan dan tanah di beberapa wilayah Indonesia.

Para uskup menegaskan bahawa hutan yang terbakar mesti dipulihkan, bukannya ditukar menjadi kawasan perladangan, perlombongan atau projek komersial.

Bagi Gereja, kebakaran hutan bukan sekadar masalah alam sekitar, tetapi juga persoalan kemanusiaan dan keadilan ekologi.

Kemusnahan hutan mengancam kesihatan, sumber pendapatan, tempat tinggal dan masa depan masyarakat, khususnya Orang Asal serta golongan miskin.

Pendirian ini selaras dengan ensiklik *Laudato Si'* yang diterbitkan oleh Sri Paus Fransiskus pada 2015, yang mengingatkan bahawa jeritan bumi tidak boleh dipisahkan daripada jeritan golongan miskin.

Mungkin ada yang bertanya, "Kebakaran berlaku di Indonesia. Apa pula yang boleh kita lakukan sebagai umat Katolik?"

Umat Katolik boleh bermula dengan memperkukuh pendidikan ekologi melalui katekese, homili dan kegiatan belia berasaskan *Laudato Si'*, mengurangkan pembaziran, mengelakkan pembakaran terbuka serta menyokong pemuliharaan alam.

Lain kali apabila jerebu kembali dan seseorang berseloroh bahawa tempat kita sudah memasuki musim sejuk, mungkin kita masih boleh tersenyum.

Tetapi mudah-mudahan senyuman itu turut mengingatkan kita bahawa di suatu tempat, ada hutan yang sedang terbakar dan manusia yang sedang menderita.

Kerana apabila hutan terbakar, yang musnah bukan sekadar pepohon, tetapi juga kehidupan, harapan dan masa depan generasi akan datang.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada
liza@herald.com.my atau
WhatsApp: 011-26391498

Mingguan Katolik
HERALD

PERMOHONAN DOA SRI PAUS (NOVEMBER)

DEMI PENGGUNAAN KEKAYAAN YANG BIJAKSANA. ***Marilah kita berdoa agar kekayaan digunakan dengan bijaksana, tanpa menyerah kepada godaan sikap mementingkan diri, sebaliknya sentiasa dimanfaatkan demi kebaikan bersama dan semangat solidariti dengan golongan yang kurang bernasib baik.***

November 8, 2026

Kursus Evangelisasi Peribadi ke-8



Berakar dalam Sabda, berbuah dalam pelayanan

KLUANG, JOHOR: Seramai 56 peserta Kursus Evangelisasi Peribadi Ke-8 (KEP-8) dari Keuskupan Melaka-Johor dan Keuskupan Agung Kuala Lumpur menyertai retret perutusan selama tiga hari di Kluang, Johor, sebagai kemuncak perjalanan pembentukan iman selama hampir lima bulan.

Bertemakan "Biarlah sabda Kristus menetap di dalam hatimu" (Kolose 3:16), retret tersebut mempersiapkan peserta untuk menjadi saksi Kristus dan mewartakan Khabar Baik dalam keluarga, komuniti serta kehidupan seharian.

Misa pembukaan dipimpin oleh Romo Yohanes Suradi dari Keuskupan Bogor, Indonesia, dengan pendampingan Yacobus Ngadinum dan Antonius Tony Wahyu.

Sepanjang retret, peserta mengikuti tujuh sesi pembentukan yang menekankan identiti, pertobatan, kehidupan rohani dan tanggungjawab sebagai pewarta Injil. Mereka turut menyertai Perjalanan Emaus, adorasi Sakramen Mahakudus dan sesi kaunseling bagi memperdalam hubungan peribadi dengan Tuhan.

Program KEP-8 yang berlangsung dari Mei hingga September itu menggabungkan sesi dalam talian dan pertemuan bersemuka. Kursus tersebut bertujuan membantu umat menerima, menghayati dan mewartakan Khabar Baik, bermula dengan pembaharuan diri sebelum menjangkau orang lain.

Dalam perkongsiannya, Antonius Tony Wahyu berharap peserta yang telah diutus terus menghasilkan buah melalui pelayanan di paroki dan komuniti masing-masing.

Beliau turut mengingatkan bahawa pewarta Injil perlu sentiasa memperbaiki diri, bertumbuh dalam kematangan rohani dan mengekalkan dedikasi terhadap pelayanan.

Menggunakan gambaran sebatang pokok, beliau menekankan bahawa pertumbuhan dan hasil yang baik bergantung pada akar yang kukuh.

Demikian juga seorang pewarta Injil perlu berakar dalam Sabda Tuhan melalui doa, sakramen dan hubungan peribadi dengan Kristus.

Sementara itu, Msgr Peter Ng Lai Huat mengingatkan peserta bahawa pewartaan Injil perlu bermula dalam keluarga.

Menurut beliau, kasih, pengampunan, kesabaran dan keprihatinan terhadap ahli keluarga merupakan kesaksian iman yang nyata, khususnya dalam dunia yang semakin mencabar.

Retret tersebut turut meninggalkan pengalaman bermakna kepada peserta.

Suzirah Sarini dari paroki Our Lady of Guadalupe, Melaka, mengakui bahawa KEP membantunya mengatasi kekosongan diri dan menemukan kedamaian serta sukacita dalam Kristus.

"Sebelum mengikuti KEP, saya merasakan kekosongan. Selepas mengikutinya, saya berasa damai dan penuh sukacita," katanya.

Bagi Justin Salinu dari paroki Divine Mercy, Sekudai, pengalaman mengikuti KEP membantunya mengatasi sifat pemalu dan memahami cara mewartakan Khabar Baik dengan lebih berkesan.

Verlika Johny dari paroki St Francis of Assisi, Cheras, pula berkata program tersebut memperkukuh imannya dan membantunya lebih peka terhadap bimbingan Roh Kudus.

"Jawablah panggilan Yesus dan jangan takut untuk berkata 'Ya' kepada-Nya. Bukalah hati dan berilah peluang kepada Tuhan untuk mengubah hidup anda," katanya.

KEP yang diperkenalkan di Keuskupan Malacca Johore sejak 2017 melalui usaha Antonius Tony Wahyu terus menjadi wadah pembentukan umat dalam misi evangelisasi Gereja.

Retret perutusan itu sekali gus mengingatkan peserta bahawa tamatnya kursus bukanlah pengakhiran perjalanan iman, sebaliknya permulaan tanggungjawab untuk menjadi saksi Kristus.

Dengan berakar kukuh dalam Sabda Tuhan, mereka diharapkan terus menghasilkan buah melalui pelayanan yang tulus serta membawa kasih dan sukacita Kristus kepada sesama.

Asrama Shalom Marian buka peluang pendidikan anak Orang Asli

IPOH: Kira-kira 700 tetamu menghadiri majlis makan malam amal bagi mengumpul dana untuk Asrama Shalom Marian yang membantu anak-anak Orang Asli daripada komuniti Temiar di Gua Musang, Kelantan, meneruskan persekolahan di Ipoh.



Majlis yang berlangsung di Dewan Bro John Moh, SMJK Sam Tet, pada Oktober 10 itu dihadiri Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang; Ahli Parlimen Ipoh Timor, Howard Lee Chuan How; Msgr Stephen Liew serta wakil pelbagai denominasi Kristian, para paderi, religius dan penyumbang.

Inisiatif yang diterajui Joseph Boon Chai, pengasas dan pengerusi *Light of Shalom Society Malacca*, menyediakan tempat tinggal serta sokongan pendidikan kepada kanak-kanak berusia tujuh hingga 17 tahun sehingga mereka menamatkan Tingkatan Lima dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pada 2025, Keuskupan Pulau Pinang menyediakan bekas premis Tadika Mariaville Good Shepherd di Tambun untuk dijadikan asrama yang kini menempatkan kira-kira 50 pelajar Orang Asli.

Dengan kos operasi RM48,000 sebulan, asrama itu menyediakan penginapan, makanan, pengangkutan dan kelas tambahan secara percuma, selain pembentukan iman serta kemahiran hidup bagi mengurangkan risiko keciciran persekolahan.

Dalam ucapannya, Ahli Parlimen Ipoh Timor, Howard Lee, menegaskan bahawa pendidikan berkualiti merupakan hak setiap kanak-kanak, termasuk Orang Asli.

Sementara itu, Kardinal Sebastian Francis menghargai sokongan para penyumbang dan sukarelawan sambil menegaskan bahawa setiap sumbangan merupakan pelaburan untuk masa depan anak-anak Orang Asli.

Prelatus itu turut mengimbas lawatannya ke perkampungan komuniti tersebut pada 2025 dan Ogos 2026 bagi memahami harapan keluarga terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Program jangkauan ABMA eratkan persaudaraan umat

SUBANG JAYA: Semangat berjalan bersama dalam iman dan persaudaraan terus diperkukuh apabila Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) mengadakan program jangkauan bersama Komuniti Umat Bahasa Malaysia (KUBM) Gereja St Thomas More, Subang Jaya, pada Oktober 10 yang lalu.

Program tersebut bertujuan mendekati, mendengar dan mendampingi anggota KUBM St Thomas More yang baharu ditubuhkan tahun ini.

Suasana penuh kemesraan dan keterbukaan sepanjang program memberi ruang kepada peserta untuk saling mengenali, berkongsi pengalaman hidup serta memperkukuh iman dan persaudaraan.

Melalui sesi perkongsian yang terbuka, peserta berpeluang meluahkan pengalaman serta mendengar kisah sesama mereka tanpa prasangka atau penghakiman.



Salah seorang peserta, Cindy Palitoh, menyifatkan program tersebut sebagai pengalaman bermakna buat dirinya dan anaknya.

"Program ini sangat bermakna buat saya dan anak saya. Selain mengenali anggota ABMA dan peserta lain, perkongsian yang menyentuh hati turut mengajar saya erti empati dan kesyukuran," katanya.

Cindy turut merakamkan penghargaan kepada ABMA kerana meluangkan masa bersama komuniti tersebut dan berharap program seumpamanya dapat diteruskan.

Sementara itu, Royneld yang pertama kali menyertai program anjuran ABMA melahirkan rasa gembira dan teruja dengan pengalaman tersebut.

"Ini merupakan pengalaman pertama saya mengikuti program ABMA. Saya sangat teruja dan bersemangat sepanjang program berlangsung, khususnya ketika sesi perkongsian bersama peserta lain dan anggota ABMA," kata Royneld.

Lebih daripada sekadar pertemuan, program jangkauan tersebut membuka ruang untuk saling mendengar, memahami dan menyokong antara satu sama lain. **Sr Chennisia Seting, SSFS**